

Tabung endowment di IPT



Inisiatif bantu golongan memerlukan



KEBAJIKAN PELAJAR DAN KOMUNITI



FOOD FOR ALL

Adalah antara inisiatif Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) serta MyGift dalam membantu pemberian makanan sarapan dan makan tengah hari percuma untuk mahasiswa UMP yang memerlukan dan tidak berkemampuan pada setiap hari di masakan malam pada setiap hari. Khemis disediakan sebagai jadiudah berbuka puasa. Inisiatif ini dapat menangani masalah dan isu mahasiswa berlapar.



PROJEK KONGSI REZEKI BM1

Inisiatif dilancarkan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan kerjasama kafetaria universiti menerusi penyediaan pak makanan untuk diagihkan kepada para pelajar di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan khususnya mereka yang mempunyai masalah kewangan atau perlukan tambahan makanan. Inisiatif ini ia dilancarkan menjelang musim peperikisan pada setiap semester.




SARAPAN PERCUMA

Inisiatif sarapan percuma daripada Perwakilan Kolej Kadiman (PEKA) dalam membantu mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan pada waktu tertentu.



JEJAK ASNAF FAKIR MISSION

Inisiatif Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dalam membantu keluarga mahasiswa dan komuniti yang kurang berkemampuan terutamanya membabitkan keluarga asnaf sekitar Kuantan, Gambang dan Pekan dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP.



ZIARAH PRIBATI ALUMNI

Inisiatif Persatuan Alumni UPM dalam membantu komuniti dan keluarga miskin mewujudkan perubahan bagi mengurangkan beban dan membantu mereka yang tidak berkemampuan torutamanya menjelang sumbangan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha dan semasa ke semasa.



PROJEK GEROBOK REZEKI #BPACARE

Projek Gerobok Rezeki #BPACARE memberi peluang kepada pengembara mengambil apa sahaja barang koperatif yang dikehendaki secara percuma di Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik. Projek ini juga sebagai menyokong program MyGift UMP yang giat dilancarkan UMP khususnya dalam membantu mahasiswa dan komuniti setempat. Warga UMP juga boleh menghulurkan sumbangan sama ada dalam bentuk wang tunai atau barang.



Pada 2016, negara pernah digemparkan oleh kejadian seorang pelajar Universiti Awam (UA) terpaksa menahan laper sehingga menyebabkan ususnya tercedera kerana keadaan kewangan yang terlalu mendekati diri perlu berjimat. Malah, kerana juga perkongsian perkenongan di media sosial mendedahkan ‘gaya hidup’ kebiasaan pelajar yang menyimpan stok makanan terutama mi segera sebagai langkah jimat belanja.

Lantaran itu, inisiatif diambil kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengadakan dana wakaf atau tabung endowment bagi membantu golongan memerlukan termasuk dalam kalangan warga kampus sini ada pelajar mahupun kakitangan adat atau stu-

langkah baik:

Antaranya Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi inisiatif program MyGift sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak untuk menyalurkan sumbangan endowment bagi tujuan tajaan pelajaran, penyelesaian permasalahan hidup dan sebagainya kepada pelajar mewujudkan semangat membantu orang-orang memerlukan.

Program MyGift diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumnii serta pihak luar terutamanya diadakan industri mewujudkan syarikat untuk sama-sama menyumbang untuk tabung endowment.

Nahas Canselor UMP, Profesor Datuk Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata usaha ini merupakan salah satu program yang

dilancarkan dalam usaha mendekati masyarakat sekitar dan menerapkan nilai kasih sayang dan semangat kesiaran dan kawalan.

“UMP turut memberi lumpuran terhadap program komuniti, kesiaran dan kesiaran. Justeru, UMP memperkenalkan program MyGift sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyumbang sumbangan endowment bagi tujuan tajaan pelajaran, penyelesaian permasalahan prasarana kepada pelajar mewujudkan semangat membantu golongan yang memerlukan,” katanya.

Tiga jenis endowment yang dilaksanakan adalah endowment Kurus, Biasiswa Pelajar, Makmal/kemudahan manakala sebuah tabung diperkenalkan iaitu Tabung Ramadhan, Tabung Majid, Tabung Bencana, Wakaf, Komuniti dan Tabung Sumbangan Prasarana.

FAKTA ENDOWMENT BIASISWA PELAJAR

PENAJAAN BIASISWA KEPADA PELAJAR MISKIN CEMERLANG

UMP menawarkan biasiswa kepada pelajar miskin yang cemerlang bagi membantu mereka dalam pembelajaran di UMP dan di peringkat yang lebih tinggi. Penajaan ini meliputi yuran pendidikan, asrama dan sara diri mengikut program sepanjang pengajian.

PEMBERIAN INSENTIF PENDIDIKAN

Pemberian insentif sebanyak RM1,000 kepada calon mahasiswa yang mengalami masalah kewangan dan ingin melanjutkan pelajaran di UMP. Ia sedikit sebanyak membantu mereka dalam pembayaran yuran atau sara dari untuk pembelajaran di UMP.



Gerobok Rezeki.